

Program Ijazah Sarjana Muda **Teknologi Kreatif Dengan Kepujian**

# Elektif: Pengajian Skrin

Tempoh Pengajian: **8 Semester (4 Tahun)**

## SINOPSIS PROGRAM

Bidang Pengajian Skrin menawarkan peluang pembelajaran dalam displin ilmu berkaitan penerbitan produk filem, drama televisyen, video dan rancangan berformat bermula dengan proses Pra-Produksi, Produksi dan Pasca-Produksi selaras dengan keperluan industri animasi dan keusahawanan. Proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara teori dan praktikal menerusi kaedah pengajaran kuliah, studio, bengkel, amali di industri, pembangunan dan penghasilan produk, persembahan produksi dan penyelidikan ilmiah bagi memenuhi keperluan bergraduat. Pencapaian pelajar akan dinilai menerusi kaedah Penilaian Berterusan dan Peperiksaan. Peluang kerjaya dalam bidang ini meliputi Pengurusan Produksi Kreatif, Pengarah Kreatif, Pengarah Seni, Perekabentuk Penataan Cahaya, Penulis Skrip Drama Televisyen, Filem dan Rancangan Berformat, Perekabentuk Papan Cerita, Perekabentuk Rekaan Produksi, Penyelidik, Ahli Perunding, Usahawan dan Pendidik.